

Jan 2020



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

79

th
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



Lawatan Akademik ke Makmal Fakulti Sains Sukan Dan Rekreasi, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kampus Shah Alam

Oleh : Theresa Ahing & Adjullea James



Aplikasi teknologi dalam bidang sukan amat penting untuk melahirkan atlet yang berprestasi tinggi melalui latihan fizikal, peralatan yang digunakan, prasarana mahupun proses penilaian prestasi atlet. Sehubungan itu, bakal graduan UiTM Cawangan Sarawak tidak harus ketinggalan dalam memahirkan diri dengan ilmu sains sukan ke arah melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang sains sukan suatu hari nanti.

Seiring perkembangan dan keperluan itu, Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM Cawangan Sarawak telah mengadakan program lawatan akademik ke makmal-makmal Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM Shah Alam pada 26-29 Ogos 2019 yang lepas. Lawatan ini bertujuan untuk menimba ilmu dalam bidang sains sukan serta melakukan ujian fizikal yang berkaitan fisiologi senam, biomekanik sukan serta suaian fizikal.

Seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada pelajar-pelajar Sarjana Muda Sains Sukan yang diiringi oleh Cik Theresa Ahing dan Cik Adjullea James (pensyarah FSR), UiTM Cawangan Sarawak telah menyertai program lawatan akademik tersebut. Lawatan ini memerlukan komitmen peserta dalam melaksanakan sesi praktikal yang merangkumi aspek fisiologi senam, suaian fizikal dan biomekanik sukan yang telah dipelajari pada semester-semester sebelumnya. Pada sesi lawatan tersebut, beberapa orang pensyarah Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM Shah Alam telah terlibat dalam penyusunan dan pengendalian aktiviti antaranya adalah Prof. Madya Datin Dr. Hajah Sarina Md Yusof (Fisiologi Senam), Dr. Raihana Sharir (Biomekanik Sukan) dan Puan Nur Asmidar A. Halim (Suaian Fizikal). Program pendedahan seperti ini dipercayai mampu meningkatkan ilmu pengetahuan para peserta terhadap aplikasi teknologi dalam bidang sains sukan serta mampu menarik minat para peserta untuk mendalami ilmu sains sukan ke peringkat yang lebih tinggi dan menjadikan bidang ini sebagai kerjaya professional setelah tamat pengajian kelak.

Lawatan Dekan FSR Ke Fakulti Sains Sukan & Rekreasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak

Oleh : Theresa Ahing & Asmalini Che Abu Shafie

Pada 3 Oktober 2019 yang lepas, seramai 9 orang pensyarah FSR UiTM Shah Alam yang diketuai oleh Dekan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi UiTM telah mengadakan lawatan khas ke Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Kota Samarahan. Lawatan ini bertujuan;

- Memberi ruang kepada pelajar untuk mengenali Dekan Fakulti Sains Sukan Dan Rekreasi dan pihak pengurusan tertinggi FSR.
- Sebagai platform sosial kepada dekan, pensyarah dan pelajar untuk berkongsi maklumat, permasalahan, cadangan penambahbaikan dan peluang dalam pengurusan akademik dan sukan.
- Mengeratkan hubungan dan memupuk kerjasama antara pihak pengurusan fakulti dengan pelajar dan pensyarah FSR, UiTM Cawangan Sarawak.

Satu sesi majlis sambutan khas telah diadakan di Dewan Jubli UiTM Sarawak untuk meraikan rombongan dari FSR UiTM Shah Alam ini buat julung kalinya. Dekan serta rombongan amat teruja melihat segala perancangan dan susun atur program yang telah dilaksanakan. Dekan juga amat kagum dengan pencapaian staf dan pelajar FSR UiTM Sarawak dan menyeru agar lebih ramai staf dan pelajar untuk menyambung pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Di akhir ucapan pada majlis tersebut, beliau juga memohon agar lagu "Fakultiku Terindah" iaitu lagu hak milik FSR UiTM Sarawak dijadikan sebagai lagu rasmi FSR di seluruh cawangan UiTM.

Pada sesi petang pula, satu sesi perbincangan telah diadakan bersama pengurusan tertinggi UiTM Sarawak iaitu Rektor UiTM Sarawak (Profesor Dato Dr. Jamil Bin Hj Hamali) dan Timbalan Pendaftar Kanan UiTM Sarawak (Encik Nor Amiruddin Bin Mokhtaruddin) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama UiTM Sarawak. Pihak fakulti amat berbesar hati dengan kehadiran Rektor dan Timbalan Pendaftar Kanan UiTM Sarawak dalam sesi perbincangan yang melibatkan kesemua aspek penambahbaikan FSR di masa akan datang.

Setelah selesai sesi perbincangan, para rombongan diiringi KPP Sains Sukan Dan Rekreasi UiTM Sarawak (Puan Asmalini Che Abu Shafie) serta para pensyarah mengadakan lawatan ke makmal-makmal FSR iaitu FSR Performance Centre, FSR Fitness Centre, FSR Aerobic Exercise Studio serta FSR Outdoor Recreation Park yang merupakan aset penting dalam mengendalikan program SR243 dan SR113 di UiTM Sarawak.

Program lawatan ini tamat pada pukul 4.30 petang dan para rombongan berangkat pulang ke Lapangan Antarabangsa Kuching. Semoga di masa akan datang, program seperti ini dapat dilaksanakan lagi demi memupuk kerjasama dua pihak serta memastikan kelangsungan kecemerlangan FSR UiTM Sarawak agar selari dengan kejayaan FSR di semua cawangan UiTM.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications Unit

Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110

E-mail: corporate@uitm.edu.my

www.sarawak.uitm.edu.my

ISSN 2232-1578



9 772232 157005